

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**

DARIPADA : **DATO' MASIR KUJAT [SRI AMAN]**

TARIKH : **10 NOVEMBER 2021 (RABU)**

SOALAN

Dato' Masir Kujat minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementerian tentang insiden provokasi Republik Rakyat China yang sering menceroboh negara kita di perairan Sarawak dan Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Sri Aman di atas soalan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

Pendirian Malaysia yang Konsisten

2. Dalam mengendalikan isu Laut China Selatan, kedaulatan dan kepentingan negara menjadi asas utama berhubung pendirian dan tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan Malaysia. Kerajaan tidak akan sesekali berkompromi dalam perkara yang boleh menjejaskan keutuhan wilayah, kedaulatan dan kepentingan negara.

3. Pada masa yang sama, memandangkan isu Laut China Selatan merupakan satu isu yang kompleks dan melibatkan hubungan antara negara, ia perlu dikendalikan secara menyeluruh dan setiap tindakan yang diambil oleh Kerajaan adalah berdasarkan pertimbangan yang komprehensif.

4. Pendirian Malaysia berhubung Laut China Selatan adalah jelas. Secara ringkasnya, pendirian ini merangkumi perkara-perkara berikut:

- a. Pertamanya, semua pihak perlu memastikan keamanan, keselamatan dan kestabilan serta kebebasan pelayaran dan penerbangan, atau dengan izin, *freedom of navigation and over-flight*.
- b. Keduanya, semua pihak perlu mengelakkan tindakan yang boleh menimbulkan ketegangan dan bersifat provokatif, atau dengan izin, mengamalkan *self-restraint*, dan mengelakkan tindakan berkaitan ketenteraan, atau dengan izin, *militarisation*.

5. Pendirian negara ini juga disuarakan dengan konsisten di platform-platform serantau dan antarabangsa, di mana Malaysia menegaskan bahawa Laut China Selatan mesti kekal menjadi laluan perdagangan dan perairan yang aman.

Pendirian yang tegas

6. Apabila berlaku insiden-insiden di mana kapal-kapal kerajaan asing mencero boh atau melakukan aktiviti yang bertentangan dengan kebebasan pelayaran sebagaimana diperuntukkan di dalam Konvensyen Undang-Undang Laut Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu 1982 (KUUL 1982) di dalam perairan negara, Kerajaan Malaysia secara konsisten mengemukakan Nota Bantahan Diplomatik kepada kerajaan negara-negara yang mana kapal asing milik kerajaan negara tersebut didapati.

7. Pada 4 Oktober 2021, Kementerian Luar Negeri telah memanggil Duta Besar Republik Rakyat China untuk menyatakan pendirian dan

bantahan terhadap keberadaan dan aktiviti kapal-kapal China, termasuk kapal penyelidikan, di dalam Zon Ekonomi Eksklusif Malaysia di luar pesisir Sabah dan Sarawak. Keberadaan dan aktiviti kapal-kapal tersebut adalah bertentangan dengan Akta Zon Ekonomi Eksklusif 1984 dan Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Undang-Undang Laut (KUUL) 1982.

8. Tindakan ini diambil selaras dengan undang-undang antarabangsa dan pendirian Malaysia untuk mempertahankan kedaulatan dan hak kedaulatan dalam perairan negara. Tindakan ini juga adalah sebagai langkah Malaysia yang tidak pernah mengiktiraf tuntutan negara-negara penuntut Laut China Selatan, termasuk China, apabila tuntutan tersebut melibatkan dan bertindih dengan perairan negara berdasarkan Peta Baru Malaysia 1979.

Rundingan Kod Tatalaku di Laut China Selatan

9. Selain itu, sebagai langkah untuk memastikan keamanan, kestabilan dan mengelakkan ketegangan di Laut China Selatan, negara-negara ASEAN dan China juga telah memeterai Deklarasi Tatalaku Pihak-pihak Berkepentingan di Laut China Selatan, atau dengan izin, *Declaration on the Conduct of Parties in the South China Sea (DOC)* pada 4 November 2002.

10. Pada masa ini, negara-negara ASEAN dan China sedang merundingkan **Kod Tatalaku di Laut China Selatan**, atau dengan izin, ***Code of Conduct in the South China Sea (COC)***. COC dilihat sebagai satu kod tatacara untuk mengelakkan konflik dan ketegangan di Laut China Selatan. Ianya adalah tanpa prejudis terhadap tuntutan wilayah dan maritim negara masing-masing.

11. Dalam melaksanakan rundingan COC tersebut, Malaysia sentiasa memastikan bahawa COC yang akan dirundingkan tidak sekali-kali mengetepikan kedaulatan dan hak kepentingan negara.

Sekian, terima kasih.